



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA

CERAMAH WAKAF : BERHENTI BUKAN BERHENTI SEMPENA JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA KEDAH

Alor Setar, 3 September 2022 – Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Kedah, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) telah menyampaikan ceramah wakaf yang bertajuk *Berhenti yang Bukan Berhenti* di Pentas Utama Keluarga Malaysia di Perkarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah.

Seramai 800 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar universiti, ahli kariah masjid, surau seluruh negeri Kedah dan orang awam hadir memeriahkan program ceramah ini. Slot pertama telah disampaikan oleh YBr. Tuan Sheikh Fakhurrazi bin Yub, BCK, Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Menurut Tuan Sheikh, melalui pelaksanaan Skim Dana Wakaf Tunai oleh MAIK, dana wakaf yang disumbangkan oleh orang ramai akan digunakan bagi tujuan keagamaan, kebajikan, dan pembangunan sosial yang akhirnya akan menambah aset wakaf seterusnya dapat menjana ekonomi umat Islam. Menurutnnya lagi, amalan berwakaf merupakan salah satu amalan sedekah kelas pertama di mana aliran pahala tidak akan terputus meskipun pewakaf telah meninggal dunia.

Slot ceramah kedua telah disampaikan oleh YWM yang diwakili oleh YBr. Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif YWM. Menurut Encik Abdul Halim, **YWM adalah sebagai sebuah entiti wakaf peringkat Persekutuan yang berperanan membantu dan menyokong Majlis - Majlis Agama Islam Negeri dalam membangunkan harta wakaf di seluruh negara dan mewujudkan wakaf baru yang akan meningkatkan sosioekonomi ummah.**

Menurutnya lagi, bermula 1 Januari 2022 sehingga 22 Ogos 2022, YWM telah mengutip dana wakaf sebanyak RM2,995,532.90 dan telah mengagihkan dana wakaf ini sebanyak RM1,452,385.74. Kutipan dan agihan dana wakaf ini meliputi seluruh negara dan memanfaatkan semua Keluarga Malaysia tanpa mengira bangsa, kaum dan agama.

YWM bekerjasama erat dengan MAIK dalam mempromosi dan memperkasa ibadah wakaf khususnya melalui pelaksanaan Skim Potongan Gaji bagi penjawat awam yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan atau Negeri.

Kepada orang ramai yang ingin menyumbang ke Skim Dana Wakaf Tunai Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK), **salurkan sumbangan anda ke Akaun Kumpulan Wang Majlis Agama Islam Kedah di Bank Islam 02011010125251 atau di Akaun Kumpulan Wang Majlis Agama Islam Negeri Kedah di Bank Muamalat 020100054667718. Atau layari <http://www.maik.gov.my> untuk maklumat lanjut atau berwakaf.**

Untuk sumbangan ke Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), **salurkan sumbangan anda ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia, Public Islamic Bank Berhad 3996004900 atau layari www.ywm.gov.my untuk maklumat lanjut atau berwakaf.**

**Yayasan Waqaf Malaysia
4 September 2022**

- Tamat -

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

- 1. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Pegawai Media
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**